

Janji hapus GST mudaratkan ekonomi

Um 31/3

JANJI untuk memansuhkan cukai barang dan perkhidmatan (GST) daripada Pakatan Harapan barangkali menarik perhatian rakyat terutamanya pengundi berpendapatan rendah.

Ketika ini lebih 160 negara melaksanakan GST dan Malaysia antara yang terbaharu. Sebahagian besar negara melaksanakan GST kerana sistem percukaian itu membantu dalam mempelbagaikan sumber hasil untuk negara serta menangani masalah pihak-pihak tertentu atau peniaga mengelak daripada membayar cukai. Selain menjamin keadilan, GST juga meluaskan skop pungutan hasil kepada negara.

Pelaksanaan GST di Malaysia pada 2015 adalah bagi menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) yang dilaksanakan sejak 1972. Kebaikan GST ialah kadar ditetapkan adalah enam peratus berbanding cukai SST iaitu antara lima hingga 20 peratus dikenakan kepada rakyat sebelum ini.

Kerajaan di bawah teraju bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dilaporkan pernah mempertimbangkan pelaksanaan GST pada 1984 tetapi tidak dapat dilaksanakan kerana tiada keberanian politik untuk melaksanakannya serta bimbang populariti kepemimpinan akan terjejas dalam kalangan rakyat.

Namun kerajaan pimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini dilihat berani melaksanakan GST demi kepentingan ekonomi negara, lebih-lebih lagi dengan faktor peningkatan kos mengurus negara. Misalnya, bajet mengurus negara pada 2009 adalah RM215.7 bilion, meningkat kepada RM264.6 bilion pada 2014.

Dalam pada itu, kadar GST yang ditetapkan di Malaysia adalah enam peratus iaitu paling rendah di dunia. Kadar GST bagi kebanyakan negara adalah antara tujuh hingga 35 peratus.

Sementara itu, Singapura iaitu negara 'ikon' DAP yang menetapkan kadar GST tujuh peratus sebelum ini pula baru-baru ini dilaporkan bakal mengumumkan kenaikan kadar GST kepada sembilan peratus dalam masa terdekat. India yang melaksanakan GST tahun lalu menetapkan kadar pada 28 peratus.

Meskipun pembangkang mendakwa GST punca kenaikan harga barang-barang keperluan asas dan harian, dari segi re-

alitinya, pelaksanaan GST tidak menyebabkan kenaikan harga barangan. GST sewajarnya mengurangkan harga barang dalam pasaran kerana pihak pengeluar boleh menuntut balik cukai yang dibayar untuk mengeluarkan produknya daripada kerajaan.

Malah kerajaan telah mengecualikan GST ke atas lebih 578 barangan keperluan asas. Misalnya, barang-barang keperluan harian seperti beras, ayam, telur, ikan, sayur, roti, buah-buahan, petrol, surat khabar dan ubat-ubatan dan sebagainya dikecualikan daripada dikenakan cukai GST.

Jadi, bagaimanakah pembangkang mendakwa harga barang-barang keperluan harian meningkat di pasaran? Pasti dakwaan pembangkang tidak masuk akal atau lebih bersifat dakwaan bermotifkan politik.

Apakah ada kemungkinan orang tengah atau peniaga yang menyebabkan kenaikan harga untuk meraih keuntungan dan menyalahkan kerajaan kononnya pelaksanaan GST yang menyebabkan harga naik?

Rakyat perlu bijak menilai kesan janji Pakatan Harapan menghapuskan GST serta pinjaman PTPTN, tol dan cukai kepada ekonomi negara dan kebajikan rakyat bagi waktu jangka panjang.

Sekiranya GST dan lain-lain cukai dimansuhkan dalam 100 hari seperti dijanjikan dalam Manifesto Pakatan Harapan, kerajaan bakal hilang hasil sejumlah RM416.6 bilion. Ini bermakna, sekiranya Pakatan Harapan menang PRU-14 dan menadbir negara, maka rakyat Malaysia terpaksa menanggung beban RM15,000 seorang.

Rakyat perlu menilai dakwaan pembangkang terhadap GST dengan bijak supaya tidak mudah terpedaya dengan dakwaan dan pembohongan Pakatan Harapan yang tidak logik malah lebih merupakan muslihat untuk memancing undi bagi memenangi PRU-14.

Memansuhkan GST pasti bukan sahaja memudaratkan ekonomi negara malah akan menjejaskan pelaksanaan pelbagai program pembangunan yang kini sedang dilaksanakan untuk menjamin kesejahteraan rakyat.

DATUK M. PERIASAMY ialah Penganalisis Politik dan Felo Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Komunikasi dan Multimedia.